

# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	<p><b>PRULink Global Market Navigator</b> adalah dana yang diuruskan secara aktif yang bermatlamat untuk mencapai pulangan mutlak yang positif dalam jangka sederhana melalui pelaksanaan strategi peruntukan aset yang diuruskan secara aktif dalam pelbagai jenis aset global termasuk tunai, ekuiti, bon dan mata wang.</p> <p>Pendedahan kepada setiap kelas aset kebanyakannya adalah melalui dana-dana yang diniagakan di bursa saham, niaga hadapan indeks, ekuiti dan bon langsung, swap, opsyen dan kontrak hadapan pertukaran asing, di mana setiap satunya boleh diniagakan melalui bursa-bursa yang diiktiraf atau melalui pasaran atas kaunter. Penggunaan derivatif adalah untuk pengurusan portfolio yang cekap bagi menembusi pasaran secara efisien dengan cara kos efektif.</p> <p>Pada permulaan penubuhannya, <b>PRULink Global Market Navigator</b> akan melabur dalam Subdana yang dikenali sebagai Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited. Dana ini kemudiannya boleh melabur dalam mana-mana dana <b>PRULink</b> pulangan mutlak yang mungkin disediakan pada masa akan datang atau dana-dana pulangan mutlak yang lain.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Melabur dalam aset global yang terpelbagai termasuk tunai, ekuiti, bon dan mata wang melalui skema pelaburan kolektif, lazimnya Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund yang digabungkan di Luxembourg.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b> Pengurus Dana menggunakan pendekatan pelaburan berdasarkan penilaian dan percayai bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Harga pasaran ditentukan oleh interaksi kompleks beberapa faktor, yang mungkin boleh mendorong harga aset dari nilai intrinsiknya.</li><li>• Harga-harga selalunya cenderung kembali ke nilai intrinsiknya tetapi masanya mungkin lama dan boleh berubah-ubah.</li><li>• Ini menandakan bahawa pelabur “nilai” boleh memperoleh pulangan lebih dalam jangka masa panjang.</li><li>• Pengurus Dana mengenal bahawa momentum pasaran adalah penting dalam jangka masa pendek.</li><li>• Peramalan yang teguh adalah sia-sia. Pengurus Dana akan fokus dalam mentaksir sama ada pasaran dapat memberi “margin selamat” dalam memberi pulangan.</li></ul> <p>Dengan mengikut filosofi pelaburan ini, proses pelaburan Pengurus Dana berusaha untuk menggunakan keadaan pasaran yang tidak efisien dan penyebaran pulangan pelaburan dengan menggunakan 4 langkah proses pelaburan yang senang, disiplin dan yang boleh diulang berkali-kali.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>(1) <b>Penapisan Kuantitatif:</b> Menenal pasti peluang-peluang yang mungkin memberi pulangan yang lebih berdasarkan faktor-faktor yang konsisten.</li><li>(2) <b>Analisis Kualitatif:</b> Menenal pasti kadar keyakinan dalam peluang-peluang yang dikesan dan pengesahan bahawah nilai itu wujud.</li><li>(3) <b>Konstruksi Portfolio:</b> Kecondongan portfolio adalah konsisten dengan “margin selamat”. “Nilai” yang seimbang dengan “momentum” adalah isyarat untuk kepelbagaian.</li><li>(4) <b>Kawalan Risiko &amp; Kajian Semula:</b> Memastikan integriti kedudukan portfolio dan bajet risiko dengan mengaji semula pelaburan dan objektif dana</li></ol>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV di dalam Dana-Sub yang ditetapkan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.


# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Piawaian Prestasi	Maybank 12 month Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	Sehingga 1.50% setiap tahun <i>Yuran pengurusan tahunan sebenar ("caj pelaburan") bagi PRULink Global Market Navigator Fund akan bergantung kepada peruntukan aset dana ini, iaitu di antara 1.00% setahun bagi peruntukan kepada instrumen pasaran wang atau sekuriti pendapatan tetap hingga 1.50% setahun bagi peruntukan kepada aset lain. Caj pelaburan akan ditentukan setiap bulan dan akan disemak apabila perkadaran dana yang diperuntukkan kepada instrumen pasaran wang atau sekuriti pendapatan tetap berganjak lebih daripada 10% sejak caj pelaburan kali terakhir ditentukan.</i>
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

## Prestasi Dana

PRULink Global Market Navigator Fund Vs. 12 Month Maybank Tier 1 Fixed Deposit Rate



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Global Market Navigator Fund	Piawaian Prestasi Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate
2011	-5.26%	3.04%
2012	9.40%	3.15%
2013	16.84%	3.15%
2014	6.74%	3.22%
2015	17.50%	3.30%
2016	10.41%	3.21%
2017	1.46%	3.10%
2018	-7.79%	3.34%
2019	13.19%	3.18%
2020	6.95%	2.22%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Maklumat tambahan untuk PRULink Global Market Navigator Fund

PRULink Global Market Navigator Fund dilabur ke dalam Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund.

Pengurus dana Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund adalah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan/ atau Dana-Sub. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana-Sub. Dana-Sub dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana-Sub yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011
Pretasi Bersih	10.45%	17.08%	-8.90%	14.31%	7.76%	-2.26%	2.72%	10.14%	15.96%	-6.37%

Nota: Pulangan atas adalah bagi Eastspring Investments - Global Market Navigator Fund (Class D)

Sumber: Eastspring Singapore, 31 Disember 2020

Pulangan adalah berdasarkan harga unit pihak ketiga, nilai bersih tanpa yuran dengan dividen dilabur, jika ada, dan dilaporkan dalam USD.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko Pasaran

Ini merupakan risiko di mana portfolio terlalu terdedah kepada pasaran atau terdedah kepada pasaran dalam kadar yang tidak sesuai dan akibatnya mengalami kerugian yang di luar jangkaan. Seperti yang disebutkan di atas, dana ini melabur dalam kedudukan panjang sahaja dalam aset-aset konvensional dan memperoleh pendedahan kepada lebih 33 buah negara mencakupi bon, ekuiti dan mata wang global yang mempunyai dana cair yang didagangkan di bursa, kontrak niaga hadapan, kontrak depan pertukaran asing, swap atau bon mata wang tempatan langsung. Dana ini bermatlamat untuk memperoleh akses ke pasaran secara efisien pada kos yang lebih rendah melalui instrumen-instrumen ini. Oleh sebab semua kedudukan dibiayai sepenuhnya, maka tidak perlu mensimulasi ganjaran tak linear atau ala opsyen. Bagaimanapun, kita perlu memahami risiko pasaran yang dana ini terdedah kepadanya dari kedudukan ini. Kami menganalisis risiko pasaran ini dari empat sudut.

- Yang pertama ialah sisihan piawai. Kami mengandaikan kemeruapan tertentu bagi setiap kelas aset/pasaran dan menggabungkannya untuk membentuk analisis kemeruapan portfolio.
- Sudut kedua ialah risiko hujung. Kami mengkaji kepencongan dan kurtosis agihan pulangan untuk memperoleh anggaran nilai berisiko bagi portfolio.
- Ketiga, kami meneliti bagaimana tahap prestasi portfolio ini dalam pelbagai tempoh "tekanan tinggi" pada masa lepas seperti Krisis Kewangan Asia, Tech Bust dan sebagainya. Kami menilai paras dan saiz kerugian portfolio dalam senario tersebut.
- Akhir sekali, kami mengambil kira risiko kecairan dan kos dagangan. Ini ditaksir di luar model formal. Kami meneliti volum yang didagangkan dan saiz spread bida-tawar bagi memastikan sama ada dagangan tertentu masih menguntungkan. Analisis risiko pasaran ini merangkumi risiko pasaran yang timbul daripada ekuiti, bon, kemeruapan mata wang serta korelasi antara pelbagai risiko pasaran ini. Bahagian terakhir Laporan Risiko Portfolio menjelaskan jenis analisis risiko yang kami gunakan untuk menaksir risiko pasaran portfolio. Jika analisis risiko ini menunjukkan bahawa dana ini mengambil risiko yang keterlaluan pada keseluruhannya atau berpunca daripada sebarang kedudukan tertentu, portfolio keseluruhan dan kedudukan akan dikaji semula dan dilaraskan sewajarnya.

# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana-Sub. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Pelaburan dasar Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran atau Dana-Sub. Prestasi Dana Sasaran atau Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran atau Dana-Sub.

## Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana-Sub, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keupayaan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dcairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran atau Dana-Sub ini. Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keupayaan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Dana-Sub tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran atau Dana-Sub ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran atau Dana-Sub.

## Risiko Kaunterparti

Selain risiko pasaran yang diperincikan di atas, portfolio ini juga terdedah kepada risiko kaunterparti dalam erti kata bahawa sebarang kedudukan derivatif belum tebus, atau selainnya, misalnya wang pendahuluan boleh berada dengan kaunterparti yang menjadikan dana ini terdedah kepada risiko kemungkiran ke atas kaunterparti itu. Bagi Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund, ini lazimnya membabitkan risiko kaunterparti kepada kedudukan kontrak depan pertukaran asing yang digunakan untuk melindungi nilai risiko mata wang. CRTS menjejaki pendedahan derivatif oleh kaunterparti.

Pasukan kredit Pendapatan Tetap PAMS menjalankan kajian semula bebas ke atas risiko dan kedudukan kewangan kaunterparti kami. Prinsip-prinsip penentu dalam menguruskan risiko kredit ditakrifkan seperti berikut:

- Kualiti kredit - untuk memastikan semua pendedahan yang sedia ada disokong oleh proses analisis berdisiplin bagi menentukan kebolehterimaan kualiti kredit tersendiri penanggung obligasi bagi meminimumkan risiko kemungkiran dan kerugian modal pada dana.
- Pelbagaian kredit - bagi memastikan kami tidak terlalu terdedah kepada kumpulan penanggung obligasi yang tertentu, terdapat rangka kerja yang sistematik dan berdisiplin bagi mencapai pelbagaian kredit yang memadai.

## Risiko Kecairan

Sebahagian besar aset dana adalah dalam sekuriti yang didagangkan di bursa atau instrumen OTC seperti bon berdaulat. Instrumen-instrumen ini bersifat pelaburan cair. Instrumen Bespoke seperti Swap Kemungkiran Kredit dan sekuriti derivatif bukan pertukaran asing lain dibataskan kepada kurang daripada 30% daripada dana. Seperti yang dinyatakan di atas, sistem CRTS memantau kedudukan setiap hari demi memastikan pematuhan dan amaran dihantar kepada penguruspengurus dana sekiranya berlaku pelanggaran dengan semakan susulan dibuat setiap hari.

# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Operasi & Penyelesaian

Pusat Operasi Serantau berpangkalan di Singapura dan bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Operasi Serantau. Jabatan ini diasingkan dengan jelas daripada pejabat depan dan diuruskan oleh pasukan-pasukan fungsian. Setiap pasukan mempunyai penyelia/pengurus yang bertanggungjawab mengawasi kerja yang dijalankan oleh pasukannya. Sebahagian besar daripada proses penyelesaian dagangan adalah automatik. Rekod-rekod berkomputer disenggarakan menggunakan sistem perakaunan serantau.

Pada penghujung hari, pasukan urus niaga pusat akan menghantar ringkasan dagangan kepada Jabatan Operasi secara elektronik melalui sistem pejabat depan. Penyesuaian Penyata Tunai dibuat setiap hari dan Pemegang Portfolio disesuaikan setiap minggu atau bilamana dagangan dibuat.

PAMS dilindungi di bawah insurans tanggung rugi profesional dan insurans jaminan kesetiaan bagi tuntutan yang dibuat terhadap PAMS akibat kecuaihan, penipuan atau ketidakjujuran pekerjanya dalam menjalankan tugas mereka. Juruaudit yang dilantik oleh PAMS, iaitu KPMG, mengkaji semula proses operasi kami setiap tahun.

## Risiko Penilaian

Semua instrumen yang didagangkan di bursa ditentukan harga pada penutup dagangan bagi bursa itu. Data bagi harga penutup harian disediakan oleh Bloomberg. Begitu juga, semua instrumen OTC pendapatan tetap ditentukan harga pada harga bida penutup harian yang dilaporkan di Bloomberg/Reuters. Bagi instrumen opsyen, kami mengikut pengiraan yang diberikan dalam Lampiran I Surat Pekeliling CSSF 07/308. Semua broker wajib menyediakan penentuan harga opsyen harian. Kami dengan aktif mencari & membandingkannya dengan alat penilaian opsyen pihak ketiga bebas yang dinamakan FINCAD. Pasukan Operasi Serantau membeli sistem ini bagi memastikan harga harian yang tercatat daripada broker adalah betul. Prudential Fund Management Services di mana pasukan Operasi Serantau ditempatkan merupakan entiti berasingan daripada pengurus-pengurus dana di Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Berhubung dengan Eastspring Investments – Global Market Navigator Fund, kami mengenakan had-had berikut untuk mengawal risiko Dana ini:

- Tiada kedudukan singkat atau keumpulan
- Maksimum 10% peruntukan kepada mana-mana satu pasaran bukan maju
- Maksimum 50% peruntukan kepada setiap pasaran maju AS, Eropah dan Jepun
- 10% - 15% kemeruapan tahunan sasaran
- Dagangan derivatif perlu diluluskan oleh 2 pengurus dana

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## Pengurusan Risiko

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko dan kawalan pematuhan untuk mengurus risiko-risiko:

### a) Pematuhan Sebelum Perdagangan

Di mana-mana yang mungkin, semua aktiviti-aktiviti Instrumen Kewangan Derivatif (FDI) dan pendedahan-pendedahan diawasi dengan suatu system pematuhan sebelum perdagangan bagi kesemua perniagaan itu. Peraturan-peraturan dan garis panduan ditetapkan dalam sistem supaya pelanggaran yang mungkin berlaku boleh dikenal pasti sebelum suatu perdagangan dibuat. Satu proses “escalate” dibuat untuk memastikan bahawa parti-parti yang terlibat diberitahu apabila suatu isu buruk berpotensi menjadi.

### b) Risiko Portfolio

Pengurus Dana akan menggunakan teknik kuantitatif untuk mengenal pasti kesesuaian menggunakan FDI. Kumpulan pelaburan akan menggunakan beberapa cara untuk membina portfolio dan mengendalikan analisis risiko yang melibatkan sifar-sifat risiko/pulangan. Kumpulan pelaburan akan mengenal pasti, mengurus dan mengawas risiko pelaburan dengan matlamat mencapai objektif Subdana.

### c) Risiko Kounterparti

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko kredit dan prosedur kawalan untuk menaksir, mengawas dan lingkungan kredit dan risiko kounterparti bagi semua kelas aset dan bes pelanggan. Kajian semula kounterparti dibuat selalu untuk mentaksir

## PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

mana-mana perubahan dalam nilai kredit dan kemampuan untuk mencapai kewajipan kontraknya.

### **d) Risiko Kesilapan**

Tambahan pula, Pengurus Dana mempunyai kumpulan risiko pelaburan bebas yang bekerja dengan setiap kumpulan pelaburan untuk memastikan bahawa semua kawalan risiko yang perlu dan metriks risiko ditempatkan. Kumpulan risiko pelaburan akan membuat laporan kepada jawatankuasa daerah yang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap unit perniagaan menjalankan operasi mengikut polisi pengurusan risiko dan rangkaian yang disediakan.

Pengurus Dana akan memastikan bahawa pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil adalah mencukupi dan ia mempunyai kepakaran untuk mengawal dan mengurus risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan FDI.

Pengurus Dana mungkin menukarkan pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil dari masa ke semasa untuk kebaikan Subdana.

# PRULink Global Market Navigator Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur yang mencari nilai modal yang meningkat.</li><li>• Daya toleransi risiko sederhana ke tinggi.</li><li>• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink Global</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink Global</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Syarikat akan menilai dana-dana <b>PRULink Global</b> tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRULink Global</b> yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRULink Global</b> akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRULink Global</b> yang lebih pada suatu Hari Penilaian</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRULink Global</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>